

BERITA HARIAN

DATE: 24/08/2007

Negara mundur jika rakyat abai ilmu: PM

BH- 24/8/2007

Konsep Islam Hadhari terap kepentingan pengetahuan

Oleh Ahmad Naim Tahir

KUALA PILAH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia mungkin menjadi negara miskin dalam tempoh 10 atau 20 tahun lagi, seperti di beberapa negara Islam lain jika rakyat mengabaikan kepentingan menimba ilmu pengetahuan.

Perdana Menteri berkata, ilmu adalah elemen terpenting yang melonjakkan kemajuan negara, malah ia turut ditekankan dalam al-Quran.

"Kita lihat antara negara yang miskin dan mundur di dunia, kebanyakannya adalah negara Islam. Tidak mustahil, 10 atau 20 tahun lagi, kita juga akan jadi negara miskin jika rakyat tidak mengisi ilmu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis pecah tanah pembinaan fasa pertama kampus tetap Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) cawangan Kuala Pilah di Kampung Beting, Parit Tinggi dekat sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah dan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Pembinaan kampus berharga RM150 juta itu dicadangkan sendiri Abdullah ketika menjadi Menteri Pendidikan pada 1985, tetapi tertangguh beberapa kali. Projek berkenaan yang dimulakan pada Mac lalu, dijangka siap awal 2009 dan boleh menempatkan sehingga 2,000 pelajar de-

ngan kursus perintis dalam Sains Gunaan.

Ketika ini, UiTM cawangan itu ditempatkan di kampus sementara di bangunan milik Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Jalan Melang dekat sini yang mempunyai 350 pelajar pra-diploma.

Abdullah berkata, konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan adalah satu daripada kaedah untuk menerapkan kepentingan ilmu pengetahuan dalam melahirkan modal insan berkualiti, sekali gus memastikan negara terus maju sehingga ke tahap terbilang.

"Justeru, anak kita mesti diperkasakan dengan ilmu. Pastikan anak-anak kita dijaga dan dididik dengan sempurna, disemai dengan nilai murni dan dibentuk sahsiah diri mereka supaya menjadi individu yang baik," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau berpuas hati dengan kejayaan UiTM melahirkan modal insan berkualiti daripada kalangan Bumiputera, sekali gus mencapai matlamat penubuhan institusi itu.

Katanya, kerajaan berharap UiTM yang kini mempunyai kampus tetap di semua negeri, termasuk yang terakhir di Negeri Sembilan, ditadbir dengan baik dan disokong tenaga pengajar terlatih.

"Saya juga harap UiTM dan universiti lain dapat lihat perkembangan dalam sektor swasta... apa yang sudah berubah, dari segi teknologi atau sistem pengurusannya.

"Saya mahu universiti jalin hubungan baik dengan swasta, terutama berkaitan pembangunan kuri-

kulum kerana kita perlu ambil kira perubahan yang berlaku dalam pasaran kerja," katanya.

Mengenai kursus yang ditawarkan UiTM Kuala Pilah, Abdullah berkata, peringkat permulaan ia menawarkan bidang Sains Gunaan sebelum diperluaskan dalam bidang pengajian lain yang sesuai dengan persekitaran dan pembangunan setempat berdasarkan konsep 'Functional Knowledge'.

Beliau berkata, kerajaan juga sentiasa memastikan tenaga pensyarah universiti diberikan latihan daripada semasa ke semasa untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam proses pengajaran, sekali gus melahirkan modal insan yang berkualiti.

Sementara itu, ketika merasmikan sambutan Jubli Berlian sempena ulang tahun ke-100 Sekolah Kebangsaan Tengkek, dekat sini, semalam, Abdullah memberi jaminan kerajaan tidak akan mengabaikan sekolah luar bandar, sebaliknya memastikan pelajar serta guru mendapat kemu-

dahan sama seperti di bandar.

Perdana Menteri berkata, tumpuan kepada institusi pelajaran di luar bandar, sama ada rendah atau menengah menjadi dasar kerajaan bagi mewujudkan peluang sama rata kepada pelajar menuntut ilmu.

"Ketika menjadi Menteri Pelajaran pada 1984 dulu, kita tidak menafikan hak pelajar luar bandar mendapatkan kemudahan pelajaran terbaik dan guru terlatih. Tiada pilih kasih, jika pelajar di bandar dapat kemudahan tertentu, pelajar luar bandar juga dapat kemudahan sama.

"Apabila kemudahan baik, tentu potensi pelajar menjadi pandai dan mempunyai kelayakan tinggi juga baik. Saya sentiasa tekankan supaya peluang belajar dengan kemudahan bermutu mesti disebarkan ke seluruh pelosok negara sehingga ke luar bandar," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun sesetengah kemudahan pengajaran dan pembelajaran mengambil masa untuk disediakan, perancangan bagi tujuan itu sentiasa dilaksanakan oleh kerajaan.

Sementara itu, Abdullah menyasarkan Kerajaan Negeri Sembilan mengambil daya usaha mengumpul hasil pertanian dan industri asas tani, termasuk buah-buahan untuk dipasarkan di Lembah Kelang.

"Banyak buah-buahan, produk kampung seperti kraf tangan dan hasil perusahaan kecil dan sederhana di negeri ini. Jika boleh, kerajaan negeri himpunkan semua hasil dan pasarkan di Lembah Klang dan menjadi pembekal utama buah-buahan," katanya.

FAKTA NOMBOR

UiTM cawangan Kuala Pilah

RM150j

Kos pembinaan

2,000

Pelajar ditempatkan